

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN PEMBUKAAN KOMPLEKS FELDA DI TANJUNG GELANG,
PELABUHAN KUANTAN

TEMPAT: PERASMIAN KOMPLEKS FELDA DI TANJUNG GELANG, PELABUHAN KUANTAN

TARIKH: 05 SEP 1987

MASA:

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Amat Berhormat

Dato' Mohamed Khalil Yaakob,

Menteri Besar Pahang;

Yang Berhormat Dato' Dr. Sulaiman Hj. Daud,

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan

Wilayah;

Yang Berhormat-Yang Berhormat;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada FELDA kerana menjemput saya merasmikan pembukaan Kompleks FELDA di Tanjung Gelang, Pelabuhan Kuantan ini. Pembinaan Kompleks ini merupakan satu lagi usaha FELDA ke arah perkembangan perusahaan minyak sawit negara kita.

2. Industri pemerosesan minyak sawit Malaysia telah mengalami perkembangan yang pesat dalam tempoh lima belas tahun yang lalu. Kalau dahulunya eksport minyak sawit kita adalah dalam bentuk minyak mentah, pada masa ini hampir ke semua minyak yang dieskport adalah yang sudah diproses. Perkembangan ini menunjukkan bahawa pengusaha-pengusaha yang terlibat dalam industri ini mempunyai keyakinan untuk meneruskan kegiatan mereka.

3. Dalam pada itu, kebelakangan ini terdapat sungutan daripada pengusaha-pengusaha tertentu yang merasakan Kerajaan tidak memberi galakan yang secukupnya sehingga banyak kilang penapisan mengalami kerugian dan terpaksa mengurangkan operasi atau terdapat juga yang terus ditutup. Kerajaan sebenarnya telah memberikan kemudahan yang secukupnya bagi menggalakkan pertumbuhan industri pemerosesan minyak sawit dan terpulanglah kepada mereka yang berkenaan untuk menjayakannya. Kejayaan tidak dicapai dengan mudah tanpa menghadapi cabaran dari segi kecekapan pengeluaran dan pengurusan. Hanya dengan kebolehan kita mengurangkan kos pengeluaran sahaja barulah kita dapat bersaing dan meningkatkan keuntungan.

4. Dalam menghadapi cabaran ini kita perlu mengambil-kira faktor-faktor kritikal seperti ketidak-stabilan pergerakan harga, di samping sikap dan teknik pemasaran kita. Ketidak-stabilan harga ini mungkin berpunca daripada sikap

pengusaha-pengusaha yang lebih menitik-beratkan pasaran dan kaedah jualan tertentu, dengan tidak memperdulikan siapa dan negara mana yang menjadi pembeli sebenar keluaran mereka. Memang diakui jualan seperti ini adalah cara yang mudah, tetapi ianya akan menggalakkan pertumbuhan orang tengah dan ahli-ahli spekulasi yang menyebabkan harga barangan sentiasa turun naik.

5. Dengan sifat mereka sebagai orang tengah dan ahli spekulasi, golongan ini berjaya menurunkan harga barangan kita apabila mereka boleh mendapat keuntungan dengan berbuat demikian. Sebaliknya mereka boleh juga menaikkan harga barangan apabila keadaan mengizinkan. Kesan daripada pergerakan harga yang sentiasa turun naik amat ketara ke atas ekonomi negara kita yang banyak bergantung kepada hasil eksport pertanian.

6. Dua-tiga tahun lalu kita telah mengalami keadaan ekonomi yang terjejas akibat daripada kemelesetan harga barangan utama kita. Usaha-usaha haruslah dipertingkatkan ke arah jualan secara terus kepada pengguna-pengguna supaya harga dapat distabilkan dan permintaan terhadap barangan kita menjadi berterusan. Jualan secara terus juga akan membolehkan kita menapak di pasaran berkenaan di samping menolong menjimatkan pertukaran wang asing apabila kita menggunakan perkhidmatan pengangkutan dan insuran negara sendiri.

7. Dalam hubungan ini pemerosesan seharusnya diikuti dengan kegiatan pemasaran yang lebih dinamis dan teratur bagi memperluaskan lagi pasaran untuk menghasilkan pulangan yang baik kepada industri.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Dalam keadaan minyak sawit Malaysia menghadapi persaingan daripada negara-negara pengeluar yang lain, di samping persaingan daripada pengeluar minyak sayuran dan lemak gantian, kita haruslah sentiasa berusaha mencari jalan untuk meningkatkan prestasi kita supaya dapat bersaing dengan pengeluar-pengeluar lain.

9. Persaingan dalam apa bidang sekalipun adalah sesuatu yang baik kerana daripada persaingan akan timbul keluaran dan perkhidmatan yang lebih bermutu. Tetapi ada kalanya persaingan dilakukan dengan cara yang tidak sihat yang akan menyebabkan persaingan bertukar menjadi ancaman. Industri minyak sawit tidak terlepas daripada ancaman yang bukan sahaja ekor ke lembapan ekonomi, tetapi yang timbul daripada usaha-usaha negara maju yang mulai tidak mempercayai doktrin perdagangan bebas yang mereka sendiri ketengahkan.

10. Baru-baru ini negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah cuba mengenakan 'levy' atau cukai ke atas import semua jenis minyak sayuran ke negara-negara itu. Adalah nyata bahawa prinsipnya bercanggah dengan prinsip perdagangan bebas. Di Amerika Syarikat pula, Persatuan Pengeluar-Pengeluar Kacang

Soya Amerika yang menjalankan kempen terhadap minyak sawit mendakwa bahawa minyak sawit membahayakan kesihatan dan seterusnya mendesak Kerajaan mereka mengeluarkan undang-undang supaya semua keluaran makanan yang mengandungi minyak makanan tropika dilabelkan. Tujuan sebenar kumpulan ini adalah semata-mata untuk mengabui mata pengguna-pengguna di negara itu supaya tidak membeli keluaran yang menggunakan minyak sawit dan dengan itu dapat mengurangkan persaingan dari minyak sawit kita di pasaran Amerika Syarikat dan negara-negara lain.

11. Ancaman-ancaman seperti ini tidak seharusnya dibiarkan begitu sahaja. Langkah-langkah tertentu hendaklah diambil bagi menyangkal usaha-usaha kumpulan-kumpulan ini. Ancaman seperti ini hendaklah sentiasa diawasi dan di samping itu kita harus membuat persediaan terhadap ancaman-ancaman yang lebih besar di masa akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Kejayaan negara kita dalam industri minyak sawit tidak seharusnya dianggap mencukupi setakat pembukaan tanah dan pembinaan kilang semata-mata. Kita harus meneruskan lagi penglibatan barang-barang hiliran yang lebih bernilai yang keluarannya boleh digunakan dalam industri pembuatan barang-barang pengguna. Integrasi dalam industri seharusnya dipanjangkan seberapa yang boleh untuk menambahkan nilai keluaran eksport kita. Kegiatan hiliran seterusnya bukan sahaja dapat menyumbang ke arah dasar Kerajaan untuk mempercepatkan pertumbuhan sektor perkilangan negara, tetapi juga untuk penyerapan teknologi. Kegiatan ini sedikit aka sebanyak dapat menolong mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan pendedahan kemahiran kepada tenaga buruh yang kian bertambah.

13. Satu faktor kritikal yang menentukan kedudukan persaingan kita ialah kos pengeluaran. Sehubungan dengan ini adalah perlu bagi kajian dan kawalan sentiasa dibuat untuk mengurangkan kos pengeluaran kepada paras yang paling rendah, setanding dengan pengeluar-pengeluar lain dengan harapan pengurangan kos ini membolehkan kita bersaing dengan lebih berkesan lagi. Kos pengeluaran adalah satu cara mengukur kecekapan pengeluaran dan keupayaan kita bersaing di pasaran, dan ini membolehkan kita mengekalkan pasaran yang sedia ada di samping menembusi pasaran baharu.

14. Usaha pengurangan kos ini mestilah disokong dengan usaha-usaha lain, terutamanya mutu keluaran. Ini amatlah penting kerana keluaran yang bermutu rendah bukan sahaja boleh menjejaskan imej dan kredibiliti negara, tetapi juga memberikan kesan yang buruk kepada industri. Oleh itu kita mestilah mengambil langkah-langkah yang perlu supaya mutu keluaran sentiasa terjamin. Tanpa jaminan ini segala usaha promosi yang dilancarkan tidak akan mendatangkan hasil sepertimana yang diharapkan.

15. Di samping itu, penyelidikan dan pembangunan adalah

nadi kepada apa-apa juga industri termasuk industri minyak sawit. Pada hakikatnya industri minyak sawit merupakan industri yang penting kepada pendapatan negara, dalam mana bidang penyelidikan dan pembangunan perlu diperluaskan. Apa yang penting ialah hasil yang diperolehi hendaklah memberi manfaat kepada industri secara langsung. Penyelidikan ini hendaklah merangkumi keseluruhan industri iaitu meliputi bidang-bidang pertanian dan pemerosesan dengan tujuan meningkatkan daya pengeluaran, mengurangkan kos dan peningkatan mutu serta mendapatkan kegunaan-kegunaan baru untuk mempelbagaikan hasil keluaran kita.

16. Dalam kebanyakan industri, kegiatan yang saling berkait lazimnya dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan sokongan yang boleh mengukuhkan kedudukan industri yang berkenaan. Bagi minyak sawit, kegiatan penapisan, kemudahan penyimpanan dan pengendalian eksport adalah aspek-aspek penting yang menentukan kecekapan industri ini dan membolehkan penjimatan kos serta kelicinan operasi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

17. Saya berharap Kompleks FELDA di Pelabuhan Kuantan ini akan memberi manfaat dari segi penyatuan kemudahan-kemudahan itu. Dengan beroperasinya Kompleks ini, saya juga berharap FELDA akan dapat menempa kejayaan dalam usahanya ke arah perkembangan industri minyak sawit. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Kompleks FELDA di Pelabuhan Kuantan ini.
Wabillahi taufik walhidayah wassalamu'alaikum
warahmatullahi wabarakatuh.